

Rezeki terprijak Mat Dhahab

Berjaya jinakkan ikan pari seberat 8.27kg pada Tourism Malaysia Surfcasting Tour: A Journey To Visit Malaysia 2020



ZURINA (kiri) dan Hafiz (kanan) bergambar bersama ikan pari seberat 8.27kg yang berjaya dijinakkan oleh Mat Dhahab.

PENYERTAAN Mat Dhahab Ismail, 64, pada Tourism Malaysia Surfcasting Tour: A Journey To Visit Malaysia 2020 di Kota Bharu, Kelantan hanya sekadar memenuhi masa lapang.

Namun, dalam sudut hatinya, Mat Dhahab berharap tuah menyebelahnya. Biasanya, orang kata, tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa tahu.

Pada pertandingan memancing itu, lelaki itu tidak sehebat peserta lain yang melabur ribuan ringgit untuk joran dan peralatan sampingan.

Mat Dhahab hanya menggunakan joran Shimano Technium 15 kaki, kekilo Ryojin 5000 yang dipadankan dengan tali Seahawk 30 paun dan mata kail cap bulan (yang biasa digunakan bagi mengail ikan gelama).

Sememangnya, rezeki Allah tidak pernah tersalah alamat. Sejurus ikan pari

8.27 kilogram (kg) 'menjamah' umpannya kira-kira pukul 8.50 pagi, beliau pada asalnya sangat bimbang berikutan peralatan yang digunakan tidak seberapa.

Bagaimanapun, semangat setiaikawan mengatas segalanya. Mujur ramai rakan yang sudi membantu khususnya Mohd Zaini Abg Rasid atau terkenal dengan nama Jenny Klat yang mengambil tanggungjawab penuh membantu menaikkan ikan berkenaan ke darat.

Akhirnya, lebih kurang 20 minit, pari berkenaan berjaya dinaikkan ke darat sekali gus menjadi ia ikan terberat dan juara pada pertandingan itu.

Keterujaannya sangat terserlah apabila Mat Dhahab menggilil pada saat menerima wang tunai bernilai RM70,000 yang disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Jawatankuasa



ANTARA peniaga yang mengambil kesempatan berniaga di lokasi pertandingan.



PARA pemenang teruja menerima hadiah wang tunai pada pertandingan memancing sempena Tourism Malaysia Surfcasting Tour 2019: A Journey To Visit Malaysia 2020 di Kota Bharu baru-baru ini.

Perpaduan Masyarakat, Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan Negeri Kelantan, Datuk Hassan Mohamood.


Turut hadir ialah Timbalan Pengarah Bahagian Domestik dan Acara Tourism Malaysia, Zurina Abd Samad; Penolong Pegawai Daerah Jajahan Pasir Putih, Mohd Farez Rosli; Pengarah Tourism Malaysia Kelantan, Hafiz Hazin dan Pengurus Wakjali Event Management, Md Zali Kasran.

Limpahan rezeki

Sementara itu, tempat kedua disandang oleh Rohaizat Ridwan dari Bukit Rambai, Melaka yang berjaya menjinakkan ikan pari seberat 2.24kg. Peserta dari Kelantan, Muhammad



NAZIANI Nadzir (tengah) satu-satunya wanita yang berjaya menaiki podium sebanyak 2 kali.



MERIAH. Pantai Bisikan Bayu, Kota Bharu menjadi medan peserta memburu kemenangan.

Ridzuan Abd Aziz menduduki tempat ketiga dengan ikan serkut (1.935kg). Rohaizat menerima RM12,000 manakala Muhammad Ridzuan membawa pulang RM5,000.

Secara keseluruhannya, sebanyak 1,570 peserta seluruh negara mengambil bahagian dalam acara itu.

Pertandingan tersebut turut memberi limpahan rezeki kepada peniaga kecil sekitar Pasir Putih apabila lebih 65 peniaga hadir menjual pelbagai barang khususnya makanan dan minuman.

Turut terkena tempias positif ialah pengusaha homestay, hotel dan chalet berhampiran apabila premis mereka hampir sepenuhnya ditempah.